

Tahap Pengetahuan Mahasiswa Berkaitan Pilihan Raya Kampus Di Universiti Kebangsaan Malaysia

The Level Of Knowledge Of Students In Relation To Campus Elections In The National University Of Malaysia

Ahmad Izzuddin Nordin
¹Nur Hafizah Yusoff

Program Antropologi dan Sosiologi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: ¹nur_hafizah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap pengetahuan mahasiswa berkaitan pilihan raya kampus di Universiti Kebangsaan Malaysia. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif dan kajian ini menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah. Pemilihan sampel ini merangkumi semua mahasiswa/i Universiti Kebangsaan Malaysia yang berada di kampus Bangi sahaja. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa tahap pengetahuan mahasiswa berkaitan pilihan raya kampus berada ditahap sederhana tinggi. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan mahasiswa masih kurang jelas berkenaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 apabila seramai 149 orang responden memilih pernyataan tidak pasti tentang AUKU 1971. Perkara ini agak mengejutkan kerana keterlibatan mahasiswa pengajian tinggi dalam politik adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU). Antara sumber utama pengetahuan tentang pilihan raya kampus ini ialah melalui media sosial dan rapat umum yang dilakukan oleh setiap parti yang bertanding. Selain itu, antara pihak yang memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat tentang pilihan raya kampus ialah Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (JPMPP) dan setiap parti politik yang bertanding. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pentadbiran universiti untuk memperkasakan peranan mahasiswa dalam arena politik khususnya kepimpinan supaya bakat mereka digilap menjadi pemimpin yang berkarisma suatu hari nanti.

Kata kunci : Pengetahuan, mahasiswa, AUKU 1971, politik, politik kampus

ABSTRACT

This study aims to measure the level of knowledge of students regarding campus elections at Universiti Kebangsaan Malaysia. The study design used is quantitative, and this study employs a simple random sampling method. The selection of this sample includes all students of Universiti Kebangsaan Malaysia who are on the Bangi campus only. Based on the research findings, the researchers found that the level of student knowledge regarding campus elections is at a moderately high level. Furthermore, the research findings also show that most students are still unclear about the Universities and University Colleges Act 1971 when 149 respondents chose the "uncertain" statement about AUKU 1971. This is quite surprising because the involvement of higher education students in politics is subject to the Universities and University Colleges Act 1971 (AUKU). Among the main sources of knowledge about this campus election are through social media and general meetings held by each contesting party. In

addition, among the parties that play an important role in disseminating information about campus elections are the Student Representative Council Election Committee (JPMPP) and each political party contesting. The findings of this study are expected to assist the university administration in empowering the role of students in the political arena, especially leadership, so that their talents can be honed to become charismatic leaders one day.

Keywords: Knowledge, students, AUKU 1971, politics and campus politics.

1. Pengenalan

Menurut Heywood (1992), politik didefinisikan sebagai penggunaan kekuasaan atau autoriti, suatu proses pembuatan keputusan secara kolektif, atau sebagai gelanggang pertarungan yang penuh dengan musihat. Tokoh sosiologi terkenal iaitu Max Weber turut menyentuh soal politik di dalam karyanya yang bertajuk ‘*Politic as a Vocation*’ . Weber mempunyai pandangannya dan pengertiannya yang tersendiri tentang politik. Menurut Weber, terdapat tiga perkara yang dimaksudkan dengan politik. Antaranya ialah, hasrat (passion) untuk melayani rakyat, tanggungjawab untuk melayani rakyat dan yang terakhir ialah seimbang dalam menjalankan pentadbiran negara. Secara umumnya, politik boleh memberikan kesan positif dan negatif. Politik yang positif mampu memberikan impak yang cukup besar dalam semua aspek termasuklah ekonomi dan sosial. Manakala politik yang negatif akan mengakibatkan kesan buruk antaranya ketidakstabilan politik yang mana pada akhirnya akan memberi kesan kepada kemajuan ekonomi dan perpecahan kaum seperti yang terjadi pada 13 Mei 1969. Justeru itu, kefahaman yang mendalam terhadap erti politik dapat dijelmakan apabila sikap ketaksuhan yang melampau terhadap parti-parti politik dapat dibuang.

Tidak kita nafikan bahawa tujuan utama mahasiswa/i adalah untuk menimba ilmu pengetahuan dan bukanlah hanya untuk berpolitik semata-mata. Sesetengah mahasiswa/i melihat Pilihan Raya Kampus (PRK) ini hanya untuk mendapatkan jawatan sebagai Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) semata-mata dan mengambil sikap enteng dengan cara tidak mengundi ketika PRK diadakan atau membuat undi rosak. PRK di universiti sangat penting bagi penganalisis politik tidak kira dalam atau luar negara kerana ia merupakan petunjuk kepada keadaan politik negara pada masa yang akan datang. Menurut Rosmida (1997), mahasiswa dianggap sebagai agen perubahan masyarakat. Golongan pelajar dikenalpasti sebagai satu aset yang penting bagi mencapai matlamat-matlamat atau dasar yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Tambahan pula, golongan pelajar ini merupakan pewaris yang akan menerajui dan menentukan hala tuju negara pada masa akan datang. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2021, seramai 1,207,593 pelajar yang berdaftar di bawah institusi-institusi pendidikan dan kemahiran.

Sebagai mahasiswa/i, apabila sudah hampir masuk ke alam pekerjaan, semestinya mahasiswa/i perlu didedahkan dengan pelbagai kem, motivasi dan aktiviti-aktiviti yang boleh mengasah fizikal dan mental sebelum keluar daripada universiti. Mahasiswa yang progresif bukanlah mereka yang menimba ilmu 24 jam bahkan ada diantara mereka yang tidak menyertai kelab dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak kolej atau universiti. Mahasiswa perlulah memperlihatkan sifat yang bertanggungjawab, amanah, berani memperjuangkan hak dan berani bersuara menentang ketidakadilan. Kualiti ini mungkin boleh dilihat dengan mengkaji penglibatan mahasiswa dalam pilihan raya kampus. Hal ini dikatakan demikian kerana, penglibatan mahasiswa dalam pilihan raya kampus sekurang-kurangnya mencerminkan kesedaran mereka tentang hak dan tanggungjawab mereka sebagai warga kampus. Di samping itu, universiti merupakan sebuah institusi pendidikan dan institusi sosial yang penting dalam

masyarakat. Aktiviti politik kampus di kalangan mahasiswa mempunyai corak, sistem dan tradisinya yang tersendiri.

PRK merupakan salah satu aktiviti wajib yang telah diwartakan di dalam Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), objektif PRK ialah untuk memilih satu organisasi mahasiswa yang digelar sebagai Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) untuk menjadi wakil kepada mahasiswa di sesebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sebagai contoh, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM) di mana di dalam kesatuan ini memperlihatkan mahasiswa/i yang menang ketika PRK diadakan. Jika tahap kesedaran atau pengetahuan mahasiswa/i berkenaan PRK kampus ini rendah, berkemungkinan calon yang tidak mesra mahasiswa atau yang mementingkan jawatan bakal terpilih.

Dalam satu wawancara bersama BERNAMA, Profesor Madya Dr. Zulkifli Hasan berkata, pindaan AUKU 1975 khususnya Seksyen 15 dan 16 menyaksikan bermulanya gerakan mahasiswa yang kurang agresif dan bergerak dalam ruang lingkup yang terhad akibat daripada sekatan dan kekangan undang-undang termasuk kawalan daripada kerajaan meliputi larangan memberi sokongan kepada pihak luar kampus, larangan membuat kenyataan akhbar dan larangan menganggotai pertubuhan luar kampus dan larangan menguruskan kewangan sendiri. Pindaan AUKU pada 2012 telah memperlihatkan sedikit kebebasan kepada mahasiswa untuk terlibat dalam politik tetapi di luar kampus. Kemudiannya pada 2019, kerajaan telah membuat satu lagi pindaan dengan memansuhkan seksyen 15 (c). Dengan pindaan ini, mahasiswa sudah boleh terlibat dalam aktiviti politik (nasional) dalam kampus.

Berdasarkan kepada AUKU, MPP wajib menjalankan dua peranan utama iaitu menjaga kebijakan pelajar dan akademik. Umum mengetahui bahawa pilihan raya kampus bertujuan untuk memilih wakil MPP, sekurang-kurangnya mahasiswa sedar akan tanggungjawabnya sebagai bakal peneraju negara dan mereka akan sedar kepentingan melibatkan diri secara serius dalam pemilihan wakil MPP universiti mereka.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Tahap Pengetahuan Mahasiswa

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Norshamliza Chamhuri, Tuan Muhammad Shafiq, Akmal Fauzan dan Farah Syahiera (2019), Tahap Pengetahuan dan Impak Kegiatan Politik Kampus Kepada Kehidupan Mahasiswa Era Malaysia, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan penyertaan mahasiswa terhadap politik. Di samping itu juga, kajian ini juga akan melihat impak politik kampus terhadap kehidupan mahasiswa. Kajian ini dilakukan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini menggunakan pendekatan mix method iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Penggunaan borang soal selidik bagi pendekatan kuantitatif dan temubual mendalam bagi pendekatan kualitatif. Bagi kajian kuantitatif, borang soal selidik akan diedarkan kepada 100 orang responden yang terdiri daripada pelajar prasiswazah dari pelbagai fakulti. Bagi kajian kualitatif pula, temubual mendalam melibatkan tiga pelajar prasiswazah yang memegang jawatan tertinggi dalam MPP dan berlatarbelakangkan parti politik yang berbeza. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan mahasiswa mengenai politik adalah sederhana tinggi dan hanya soalan berkaitan AUKU sahaja mahasiswa kurang mengetahuinya di mana min yang diperolehi berkaitan soalan ini hanya 2.69.

Seterusnya, kajian Kesedaran Politik Mahasiswa: Dalam Pilihan Raya Kampus di Universiti Putra Malaysia karya Mohd. Fauzi Fadzil (2015) yang diterbitkan dalam *Malaysian*

Journal of Youth Studies bertujuan untuk mengkaji adakah pendidikan demokrasi yang dilakukan di Institut Pengajian Tinggi Awam benar-benar mampu mendidik mahasiswa dalam memahami sistem demokrasi dalam negara ini. Kajian ini menggunakan metodologi temubual mendalam. Berdasarkan kajian ini, mendapati bahawa mahasiswa lebih memilih calon-calon berdasarkan manifesto yang dibawa, penampilan calon dari segi fizikal dan rohani dan latar belakang calon. Berdasarkan data yang diperolehi daripada kajian ini iaitu mengenai kewujudan PRK, rata-rata mahasiswa/i memberikan dua bentuk jawapan iaitu tahu dan tidak tahu di mana mereka yang tahu kewujudan tersebut melalui media sosial dan media cetak, manakala mereka yang tidak tahu menyatakan tidak pernah didedahkan tentang kewujudan PRK. Mahasiswa/i juga mengatakan beberapa pandangan tentang prk iaitu sistem pengundian kurang dipercayai kerana dilakukan secara atas talian dan prk ini boleh menyebabkan perpecahan dikalangan mahasiswa.

Berdasarkan kajian Ummi Munirah, Panji Hidayat dan Mansor Mohd Noor (2019) iaitu Aplikasi Pemodelan Persamaan Struktur dalam Mengkaji Tanggungjawab Politik Pelajar IPTA yang menjelaskan tentang faktor yang menjadi model kepada tanggungjawab politik pelajar iaitu media, penglibatan, persepsi dan literasi politik. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membina satu model awal tanggungjawab politik pelajar. Lima buah Universiti Penyelidikan (UP) yang terlibat iaitu UM, UKM, UTM, USM dan UPM dengan jumlah keseluruhan seramai 1349 orang pelajar yang terlibat. Kaedah pensampelan secara kebarangkalian iaitu pensampelan berkelompok (cluster sampling) digunakan dalam kajian ini. Data yang diperoleh akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 19, AMOS 19 dan Microsoft Excel. Data yang dikumpul menunjukkan bahawa umur pelajar mempengaruhi persepsi terhadap tanggungjawab politik. Ini menunjukkan bahawa semakin bertambah umur, semakin tinggi literasi politik yang diterangkan oleh kefahaman politik, seterusnya meningkatkan tahap tanggung jawab politik dalam kalangan pelajar.

Di samping itu, salah satu kajian yang telah dilakukan oleh Junaidi Awang Besar dan Mohd Fuad Mat Jali (2015), Pengaruh Media Terhadap Pilihan Parti Politik dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Awam di Lembah Klang yang menjelaskan tentang pengaruh geopolitik popular iaitu lagu/muzik, filem dan karikatur/kartun terhadap pilihan parti politik dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Malaysia di Lembah Klang. Tiga buah Universiti Awam yang terlibat iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia dengan jumlah keseluruhan seramai 217 orang mahasiswa yang terlibat. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik yang datanya dikutip antara Disember 2014 hingga Januari 2015. Penentuan jumlah sampel adalah berdasarkan populasi oleh Cohen et al. (2007). Dapatkan kajian mendapati bahawa, golongan pengundi partisan dan golongan yang berpendidikan serta berpendapatan sederhana dan rendah lebih mudah terpengaruh dengan medium geopolitik popular terhadap partisipasi, persepsi dan sokongan kepada parti politik. Elemen grafik, audiovisual serta ayat dan kata-kata yang bersifat memujuk, memerli dan dapat menaikkan semangat seseorang individu telah berjaya menarik minat seterusnya mempengaruhi persepsi dan pilihan politik masyarakat massa. Apa yang membezakan tahap penerimaan medium geopolitik popular ini ialah sama ada mereka menerima bulat-bulat maklumat yang disampaikan ataupun memikirkan kesahihan atau kebenaran maklumat yang disampaikan tersebut secara rasional atau emosional.

Pilihan raya kampus adalah penting kepada pelajar kerana ia adalah salah satu cara atau kaedah di mana di dalamnya terdapat unsur-unsur demokrasi (Siti Nuranzizahhafizah 2017). Berdasarkan kajiannya, *Students and Campus Elections: Case Study at Sultan Idris Education University, Malaysia*, yang menjelaskan tentang penglibatan politik pelajar dalam PRK

termasuklah tahap pengetahuan pelajar. Kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data dalam berbentuk angka. Seramai 508 responden dipilih secara rawak bagi menjawab borang soal selidik. Data yang diperoleh akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 21. Kajian ini mendapat bahawa tahap kesedaran pelajar terhadap kewujudan dan tanggungjawab sebagai pelajar dalam PRK adalah sederhana dimana 69.7% atau 354 responden daripada 508 responden tidak terlibat dalam pilihanraya kampus. Dapatan kajian ini juga memperlihatkan bahawa pelajar perempuan lebih terlibat dalam menggerakkan dan memainkan peranan penting dalam pilihanraya kampus berbanding pelajar lelaki. Data menunjukkan bahawa seramai 20 orang responden atau 3.9% adalah calon dalam PRK kampus dan 13 responden daripada 20 responden tersebut adalah dalam kalangan perempuan.

Kajian seterusnya ialah Pengaruh Sosialisasi Terhadap Pengetahuan dan Penglibatan Mahasiswa Melayu dalam Politik Malaysia karya Mazli Mamat (2015) menjelaskan tentang penglibatan mahasiswa dalam politik mampu untuk menjadi kuasa ketiga dan pengimbang antara kerajaan dan pembangkang. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan pengaruh sosialisasi terhadap pengetahuan dan penglibatan di Universiti Awam dalam politik Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui pendekatan kuantitatif. Empat buah Universiti Awam yang terlibat iaitu UM, UKM, UPM dan UIAM dengan jumlah keseluruhan seramai 441 orang mahasiswa Melayu yang terlibat. Kaedah pensampelan menggunakan teknik pensampelan berstrata. Data akan dianalisis dengan menggunakan ujian-t, ujian ANOVA sehala, regresi dan korelasi. Kajian menyatakan bahawa tahap pengetahuan mahasiswa Melayu mengenai politik berada tahap tinggi. Namun begitu, apa yang membimbangkan ialah penglibatan mahasiswa Melayu dalam politik berada pada tahap yang rendah. Kajian mendapat bahawa penglibatan mahasiswa Melayu dalam politik dipengaruhi oleh agen sosialisasi media massa berbanding agen sosialisasi yang lain seperti keluarga, rakan sebaya dan institusi pendidikan.

3. Metodologi

3.1 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam melakukan kajian ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan maklumat dan mengumpul data kajian. Pengkaji merasakan bahawa teknik pengumpulan data bagi kaedah kuantitatif sangat sesuai bagi penyelidikan kajian ini. Pendekatan kuantitatif merupakan kajian yang akan menghasilkan dapatan kajian yang realistik dan menerangkan kejadian secara statistik. Penyelidikan kuantitatif adalah suatu penyelidikan yang menerangkan sesuatu fenomena berdasarkan suatu koleksi data bernombor yang dianalisis menggunakan kaedah statistik (Aliaga and Gunderson, 2000). Teknik pengumpulan data yang akan digunakan dalam kajian ini adalah melalui borang soal selidik yang akan diedarkan secara langsung kepada responden. Kaedah ini dipilih adalah bagi memastikan tiada penipuan dan data yang diperolehi itu lebih dipercayai dan diyakini.

Dalam pembentukan borang soal selidik, teknik ‘open ended’, ‘close-ended’ dan ‘contingency question’ akan digunakan (Nana, 2005). Dalam penyelidikan ini, borang soal selidik akan merangkumi soalan *open* dan *ended* bagi menjawab soalan berkaitan demografi responden. Pengkaji akan memilih soalan-soalan yang akan ditanya kepada responden berdasarkan kepada soalan-soalan yang ada dalam kajian-kajian lepas. Borang soal selidik digunakan apabila objektif dan persoalan-persoalan penyelidikan memerlukan penjelasan konkret dalam bentuk *numeric* dan hasil analisis dan dapatan data berbentuk statistik, jadual dan rajah adalah lebih efisien dan fleksibel (Neuman, 2005).

3.2 Kaedah Persampelan

Persampelan merupakan satu proses dalam memilih elemen-elemen dalam populasi bagi mewakili populasi sesebuah kajian. Menurut Mohd Sheffie Abu Bakar (1991), persampelan merupakan satu proses di mana sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi dipilih dan dikaji untuk membolehkan kita membuat generalisasi mengenai populasi itu. Sampel kajian dipilih menggunakan pensampelan rawak mudah. Pemilihan sampel ini merangkumi semua mahasiswa/i Universiti Kebangsaan Malaysia yang berada di kampus Bangi sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana, pilihanraya kampus wajib dilakukan di seluruh universiti berdasarkan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU). Oleh itu, majoriti mahasiswa/i di UKM telahpun didedahkan dengan pilihan raya kampus secara sedar mahupun tidak sedar. Jadi, ianya memudahkan pengkaji dalam mencari responden untuk mendapatkan data. Pemilihan saiz sampel adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970), saiz sampel yang diperlukan adalah seramai 384 orang. Oleh kerana terdapat 10 buah kolej kediaman di kampus Bangi ini, pengkaji akan menyasarkan sekurang-kurangnya 40 borang soal selidik yang akan diedarkan kepada setiap kolej kediaman. Pengkaji akan mengedarkan borang soal selidik kepada responden secara fizikal untuk memastikan tiada penipuan dan data yang diperolehi itu lebih dipercayai dan diyakini. Pengkaji tidak mensasarkan responden berdasarkan jantina kerana kajian ini tidak melihat kepada faktor jantina. Dengan menggunakan kaedah sampel saiz Krejcie and Morgan, pengkaji menetapkan sekurang-kurangnya seramai 384 orang responden untuk menjawab borang selidik. Borang soal selidik ini akan diedarkan kepada semua mahasiswa tanpa mengira jantina atau bangsa.

3.3 Kaedah memproses dan menganalisis data

Proses analisis data merupakan data yang didapati dengan menggunakan soal selidik di mana segala data maklumat yang diperolehi akan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27 untuk menganalisa data dengan lebih cepat dan mudah. Skala Likert digunakan untuk menganalisis soalan tertutup. Data yang diperoleh akan diteliti dan diperatuskan bagi mendapat gambaran menyeluruh berkenaan kecenderungan responden terhadap sesuatu item. Hasil kajian akan dibentangkan dalam bentuk carta, graf, jadual dan hurai. Jadual ini akan mengandungi item, skor, kekerapan, peratus dan min yang diperolehi hasil maklum balas responden. Dapatkan kajian akan dapat dilihat melalui kekerapan dan peratus responden memilih jawapan serta melalui min yang diperolehi. Nilai skor yang diperoleh akan dijumlahkan, dipuratakan seterusnya menghasilkan min dan dapat diinterpretasikan bagi menghasilkan dapatkan kajian yang sah dan boleh dipercayai.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Demografi Responden

Bahagian ini merupakan taburan analisis latar belakang responden yang terdiri daripada jantina, bangsa, kolej, tahun pengajian, fakulti dan kekerapan mengundi. Seramai 310 orang responden yang terlibat dalam kajian kali ini.

4.1.1 Jantina

JADUAL 1: Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	163	52.6
Perempuan	147	47.4
Jumlah	310	100

Sumber : Dapatan kajian 2024

Jadual 1 menunjukkan hasil dapatan bagi kategori jantina responden di mana daripada keseluruhan nilai peratusan, sebanyak 52.6% adalah lelaki manakala bagi perempuan pula adalah sebanyak 47.4%. Hal ini menunjukkan bahawa jumlah responden lelaki yang menjawab soal selidik ini adalah lebih tinggi berbanding responden perempuan. Namun dari segi jurang antara jumlah responden lelaki dan responden perempuan tidaklah begitu ketara antara kedua-dua jantina ini hanya dipisahkan sebanyak 5.2% sahaja. Umum mengetahui bahawa pelajar lelaki di IPTA dilaporkan semakin merosot bilangannya dari tahun ke tahun dan ada nisbah yang menunjukkan pelajar lelaki dan perempuan ialah 70:30. Walaupun begitu, melalui kajian ini, keseimbangan antara responden lelaki dan wanita sekaligus dapat menunjukkan penglibatan politik mereka dalam pelbagai aspek seperti pengetahuan, amalan dan sikap. Hal ini dikatakan demikian kerana, bila dalam bidang politik, kebanyakan yang aktif adalah dari pelajar lelaki. Menurut kajian yang dilakukan oleh Rafidah Saidon (2017), wanita sendiri sebenarnya yang tidak berminat untuk terlibat dalam politik kerana merasa rendah diri, kurang keyakinan diri dan sebagainya (Temubual Ng Yen Yen, mantan Menteri Pelancongan)

4.1.2 Bangsa

JADUAL 2: Bangsa

Bangsa	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	266	85.8
Cina	27	8.7
India	14	4.5
Lain-lain	3	1
Jumlah	310	100

Sumber : Dapatan kajian 2024

Berdasarkan Jadual 2 adalah dapat dilihat bahawa responden berbangsa Melayu telah mencatatkan jumlah penyertaan yang tertinggi bagi soal selidik ini iaitu sebanyak 85.8%. Bagi responden yang berbangsa Cina pula mencatatkan jumlah nilai peratusan kedua tertinggi iaitu sebanyak 8.7%. Selain itu, nilai peratusan daripada bangsa India adalah sebanyak 4.5% dan bagi bangsa lain-lain pula ialah hanya 1% sahaja. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa etnik Melayu mendominasi sudut sebegini kerana kawasan kajian yang dilakukan mempunyai majoriti mahasiswa yang berbangsa Melayu berbanding masyarakat berbangsa lain. Perkara ini juga disebabkan oleh sistem kuota untuk etnik Melayu dan Bumiputera dalam pendidikan adalah sebahagian daripada tindakan afirmatif negara yang diperuntukkan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan (Teo Kok Seong, 2023).

4.1.3 Kolej

JADUAL 3: Kolej

Kolej	Kekerapan	Peratus (%)
KUO	114	36.8
KDO	28	9
KAB	40	12.9
KBH	9	2.9
KPZ	23	7.4
KRK	21	6.8
KIZ	4	1.3
KKM	23	7.4
KIY	10	3.2
KTHO	16	5.2
LAIN-LAIN	22	7.1
Jumlah	310	100

Sumber : Dapatan kajian 2024

Berdasarkan Jadual 3 yang menunjukkan hasil dapatan bagi kolej kediaman responden di mana daripada keseluruhan peratusan yang dicatatkan, 36% adalah mereka yang mendiami Kolej Ungku Omar (KUO) bersamaan dengan 114 orang responden. Bagi Kolej Dato' Onn pula, nilai

peratusan terkumpul adalah sebanyak 9%. Kolej Aminuddin Baki (KAB) mencatatkan peratusan kedua tertinggi selepas Kolej Ungku Omar iaitu sebanyak 12.9%. Sebanyak 2.9% (9 orang) yang terlibat dalam kajian ini mendiami Kolej Burhanuddin Helmi (KBH). Bagi Kolej Pendeta Za'ba (KPZ) dan Kolej Keris Mas (KKM) pula, kedua-dua kolej ini berkongsi nilai peratusan yang sama iaitu sebanyak 7.4%. Peratusan bagi mereka yang terlibat dalam kajian ini yang menghuni Kolej Rahim Kajai (KRK) adalah sebanyak 6.8% diikuti dengan Kolej Ibu Zain (KIZ) yang hanya memperoleh nilai peratusan sebanyak 1.3%. Peratusan yang diperolehi oleh KIZ merupakan peratusan terendah berbanding kolej-kolej lain. Bagi Kolej Ibrahim Yaakub (KIY) pula, peratusan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah sebanyak 3.2% telah dicatatkan. Selebihnya ialah Kolej Tun Hussein Onn (KTHO) dan lain-lain di mana masing-masing dengan jumlah peratusan sebanyak 5.2% dari KTHO dan 7.1% bagi lain-lain. Lain-lain merupakan mereka yang tidak mendiami kolej seperti tinggal rumah sewa dan ulang alik daripada rumah. Pada awalnya, pengkaji menasarkan anggaran responden di setiap kolej ialah seramai 40 orang, namun disebabkan keterbatasan waktu, pengkaji hanya berjaya mendapatkan responden dari KUO dengan jumlah 3 kali ganda daripada sasaran. Secara umumnya, kolej kediaman UKM mampu menampung kapasiti lebih kurang 13,000 pelajar daripada 30,000 pelajar UKM (Pusat Perumahan Pelajar UKM). Untuk pengetahuan umum, terdapat hubungkait yang agak rapat antara kolej dengan tahap pengetahuan mahasiswa berkaitan politik. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap kolej kediaman di UKM, terdapat beberapa kelab kolej yang aktif berpolitik secara '*underground*'. Walaupun tidak secara terbuka, apabila kelab-kelab utama kolej berpolitik, ia sedikit-sebanyak akan mempengaruhi ahli kelab tersebut sekaligus menjadi agen sosialisasi dalam menyebarkan kefahaman berpolitik kepada mahasiswa.

4.1.4 Tahun Pengajian Semasa

JADUAL 4: Tahun Pengajian Semasa

Tahun Pengajian Semasa	Kekerapan	Peratus (%)
1	82	26.5
2	73	23.5
3	126	40.6
4	29	9.4
Jumlah	310	100

Sumber : Dapatan kajian 2024

Jadual 4 menunjukkan bahawa tahun 1 telah mencatatkan jumlah nilai peratusan kedua tertinggi iaitu sebanyak 26.5%. Bagi pelajar tahun 2 pula ialah sebanyak 23.5% (73 orang). Berdasarkan rajah di atas, kita boleh melihat bahawa penyertaan responden dari kalangan tahun 3 mencatatkan jumlah penyertaan yang tertinggi bagi soal selidik ini dengan nilai peratus yang diperolehi adalah sebanyak 40.6%. Akhir sekali ialah tahun 4 dengan nilai peratusan sebanyak 9.4%. Berdasarkan data diatas, penyertaan tertinggi dalam kajian ini ialah pelajar tahun 3 dan mereka sudah lagi tidak asing dengan pilihan raya kampus di UKM dengan 3 kali mengundi. Semestinya mereka mengetahui tentang kegiatan politik kampus di UKM.

4.1.5 Fakulti

JADUAL 5: Fakulti

Fakulti	Kekerapan	Peratus (%)
FSSK	87	28.1
FPEND	29	9.4
FST	41	13.2
FPI	49	15.8
FKAB	24	7.7
FUU	5	1.6
FEP	44	14.2
FSK	22	7.1
FTSM	9	2.9
Jumlah	310	100

Sumber : Dapatan kajian 2024

Jadual 5 menunjukkan hasil dapatan kajian bagi fakulti responden di mana daripada keseluruhan bilangan responden yang mengambil bahagian, seramai 87 orang responden adalah daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Kekerapan tersebut merupakan kekerapan tertinggi dengan nilai peratus sebanyak 28.1%. Bagi Fakulti Pendidikan (FPEND) pula jumlah nilai peratusan yang terkumpul adalah sebanyak 9.4%. Bagi Fakulti Sains Teknologi (FST) pula, nilai peratusan yang diperolehi adalah sebanyak 13.2% diikuti Fakulti Pendidikan Islam (FPI) yang mencatatkan peratusan kedua tertinggi selepas FSSK iaitu sebanyak 15.8%. Sebanyak 7.7% adalah daripada Fakulti Kejuruteraan Alam Bina (FKAB) dan bagi Fakulti Undang-Undang (FUU), nilai peratusan yang dicatatkan hanya 1.6%. Jumlah peratusan daripada FUU adalah yang terendah diantara fakulti-fakulti lain. Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP) dan Fakulti Sains Kesihatan (FSK) di mana masing-masing dengan jumlah peratusan sebanyak 14.2% (FEP) dan 7.1% (FSK). Akhir sekali ialah Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) dengan peratusan terkumpul hanya 2.9%.

4.1.6 Kekerapan Mengundi Sepanjang Pengajian

JADUAL 6: Kekerapan Mengundi Sepanjang Pengajian

Kekerapan Mengundi	Kekerapan	Peratus (%)
1	81	27.1
2	88	28.4
3	124	40
4	14	4.5
Keseluruhan	310	100

Sumber : Dapatan kajian 2024

Jadual 6 pula menunjukkan seramai 81 orang responden telah memilih satu sebagai kekerapan mengundi dengan nilai peratusan sebanyak 27.1%. Peratusan bagi mereka yang telah mengundi 2 kali adalah sebanyak 28.4% dan peratusan ini merupakan peratusan kedua tertinggi. Selain itu, peratusan bagi mereka yang telah mengundi 3 kali adalah sebanyak 40%. Akhir sekali ialah peratusan bagi mereka yang telah mengundi sebanyak 4 kali sepanjang berada di UKM dan peratusannya adalah sebanyak 4.5%. Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh pengkaji, daripada 88 mahasiswa yang telah mengundi 2 kali, seramai 71 orang mahasiswa adalah daripada pelajar tahun 2 daripada jumlah keseluruhan iaitu seramai 73 orang pelajar tahun 2. Bagi pelajar tahun 3 pula, daripada jumlah keseluruhan 126 pelajar yang terlibat dalam kajian ini, seramai 110 pelajar yang telah mengundi setiap sesi sepanjang mereka berada di UKM. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, pelajar senior iaitu tahun 2 dan tahun 3 telah mengundi melebihi satu kali dan hal ini menunjukkan satu perkara yang positif.

4.2 Tahap Pengetahuan Mahasiswa Tentang Pilihan Raya Kampus di Universiti Kebangsaan Malaysia

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan mengenai hasil dapatan bagi objektif bagi kajian ini iaitu tentang tahap pengetahuan mahasiswa tentang pilihan raya kampus di Universiti Kebangsaan Malaysia. Tahap pengetahuan mahasiswa ini melihat kepada beberapa aspek kerana kebanyakan soalan yang ditanya adalah soalan asas. Menurut Norshamliza et al. (2019), beliau mengatakan bahawa proses demokrasi kampus yang bertulang belakangkan Pilihan Raya Kampus (PRK) dilihat sebagai cara mahasiswa untuk bersuara dengan memilih barisan kepimpinan universiti. Pada masa yang sama, PRK dilihat menjadi satu cerminan masyarakat kepada situasi politik negara. Seterusnya, Ummi Munirah et al. (2019) mengatakan bahawa umur pelajar mempengaruhi persepsi terhadap tanggungjawab politik. Ini menunjukkan bahawa semakin bertambah umur, semakin tinggi literasi politik yang diterangkan oleh kefahaman politik, seterusnya meningkatkan tahap tanggung jawab politik dalam kalangan pelajar.

4.2.1 Tahap Pengetahuan Mahasiswa Tentang Pilihan Raya Kampus di Universiti Kebangsaan Malaysia

JADUAL 7: Tahap Pengetahuan Mahasiswa Tentang Pilihan Raya Kampus di Universiti Kebangsaan Malaysia

Bil.	Pernyataan	Kekerapan (%)					Min	Sisihan Piawaian
		STS	TS	TP	S	SS		
TP1	Saya mengetahui laman web yang akan saya layari untuk proses pengundian.	-	3 (1.0)	10 (3.2)	121 (39.0)	176 (56.8)	4.52	.611
TP2	Saya mengetahui bahawa pilihan raya kampus diadakan bagi memilih Majlis Perwakilan Pelajar.	1 (0.3)	2 (0.6)	6 (1.9)	112 (36.1)	189 (61.0)	4.57	.602
TP3	Saya tahu dan kenal calon yang bertanding mewakili parti masing-masing.	2 (0.6)	29 (9.4)	135 (43.5)	93 (30.0)	51 (16.5)	3.52	.898
TP4	Saya tahu bahawa Pilihan Raya Kampus diadakan hanya sekali pada setiap sesi.	-	1 (0.3)	11 (3.5)	108 (34.8)	190 (61.3)	4.57	.580
TP5	Saya tahu bahawa terdapat empat parti politik di Universiti Kebangsaan	3	6	37	94	170	4.36	.839

	Malaysia (sekarang).	(1.0)	(1.9)	(11.9)	(30.3)	(54.8)	
TP6	Saya mengetahui bahawa tempoh berkempen bagi setiap parti hanyalah seminggu selepas penamaan calon.	1 (0.3)	4 (1.3)	74 (23.9)	111 (35.8)	120 (38.7)	4.11 .834
TP7	Saya tahu setiap manifesto calon yang bertanding.	13 (4.2)	60 (19.4)	159 (51.3)	48 (15.5)	30 (9.7)	3.07 .949
TP8	Saya mengetahui ideologi setiap parti politik yang bertanding dalam pilihan raya kampus.	6 (1.9)	19 (6.1)	109 (35.2)	88 (28.4)	88 (28.4)	3.75 .998
TP9	Saya mengetahui Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (JPMPP) yang menguruskan pilihan raya kampus.	6 (1.9)	21 (6.8)	91 (29.4)	111 (35.8)	81 (26.1)	3.77 .976
TP10	Saya mengetahui kewujudan Kelab Pendidikan Politik dan Demokrasi UKM.	23 (7.4)	51 (16.5)	144 (46.5)	61 (19.7)	31 (10.0)	3.08 1.027
TP11	Saya mengetahui proses pengundian yang dilakukan secara atas talian lebih selamat.	4 (1.3)	17 (5.5)	129 (41.6)	98 (31.6)	62 (20.0)	3.64 .906
TP12	Saya mengetahui bahawa proses pilihan raya kampus akan dimulakan selepas Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM) dibubarkan	1 (0.3)	2 (0.6)	69 (22.3)	119 (38.4)	119 (38.4)	4.14 .803
TP13	Saya tahu dengan jelas tentang AUKU 1971.	25 (8.1)	89 (28.7.)	142 (45.8.)	42 (13.5)	12 (3.9)	2.76 .920
TP14	AUKU 1971 telah mengehadkan kebebasan pelajar untuk bersuara.	14 (4.5)	26 (8.4)	214 (69.0)	44 (14.2)	12 (3.9)	3.05 .749

TP15	Saya mengetahui bahawa AUKU 1971 telah menghalang pelajar daripada menyertai parti politik peringkat nasional.	12 (3.9)	24 (7.7)	202 (65.2)	56 (18.1)	16 (5.2)	3.13	.778
------	--	-------------	-------------	---------------	--------------	-------------	------	------

Sumber: Dapatan kajian 2024

Berdasarkan jadual 7 diatas, kenyataan yang memperoleh min tertinggi adalah *saya mengetahui bahawa pilihan raya kampus diadakan bagi memilih Majlis Perwakilan Pelajar*. Pernyataan ini mempunyai nilai min sebanyak 4.57 dengan sisihan piawai .602. Peratusan bagi skala setuju dan sangat setuju ialah sebanyak 36.1% bagi setuju dan 61% bagi sangat setuju. Hal ini jelas menunjukkan bahawa mahasiswa mengetahui bahawa aktiviti pilihan raya kampus yang diadakan adalah untuk memilih Majlis Perwakilan Pelajar. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Hamidah (2004) dengan nilai min sebanyak 4.03. Melihat data kajian yang diperolehi, masih terdapat segelintir mahasiswa yang tidak tahu tentang tujuan utama diadakan pilihan raya kampus. Jika masih ramai mahasiswa yang tidak dapat menjawab soalan asas ini dengan betul, ini menandakan bahawa wujud jurang pengetahuan yang besar dalam kalangan mahasiswa tentang matlamat utama pilihan raya kampus. Oleh itu, analisis ini penting bagi membantu mengenal pasti jurang tersebut untuk diambil tindakan seterusnya.

Seterusnya, min kedua tertinggi ialah melalui kenyataan *saya tahu bahawa Pilihan Raya Kampus diadakan hanya sekali pada setiap sesi* dengan nilai min sebanyak 4.57 dengan sisihan piawai .580. Kenyataan ini mencatatkan peratusan bagi skala sangat setuju sebanyak 61.3% dan peratusan ini merupakan peratusan tertinggi bagi kenyataan ini. Selain itu, kenyataan ketiga tertinggi nilai minnya ialah *saya mengetahui laman web yang akan saya layari untuk proses pengundian*. Pernyataan ini mencatatkan nilai min sebanyak 4.52 dengan sisihan piawai .611 dan peratusan skala sangat setuju adalah 56.8%. Berdasarkan dapatan kajian di atas, boleh disimpulkan bahawa majoriti mahasiswa mengetahui perkara asas yang berkaitan dengan pilihan raya kampus walaupun terdapat mereka yang baru pertama kali mengundi. Namun begitu, terdapat segelintir mahasiswa yang keliru antara sesi dengan tahun menyebabkan mereka tidak memahami terminologi asas yang digunakan dalam konteks pilihan raya kampus. Selain itu, hal ini menunjukkan bahawa responden sangat mengetahui tentang pautan laman sesawang yang akan mereka layari pada hari pengundian. Pihak HEP UKM juga telah menghantar email kepada semua mahasiswa pada hari pengundian sebagai tanda peringatan kepada mahasiswa.

Pernyataan seterusnya yang memperoleh nilai min keempat tertinggi ialah *saya tahu bahawa terdapat empat parti politik di Universiti Kebangsaan Malaysia (sekarang)* di mana pernyataan ini mempunyai nilai min sebanyak 4.36 dengan sisihan piawai .839. Peratusan tertinggi bagi kenyataan ini sebanyak 58.4% pada skala sangat setuju. Hal ini menunjukkan bahawa sesetengah mahasiswa masih keliru dengan jumlah parti politik yang ada di Universiti Kebangsaan Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana, terjadi gabungan diantara parti politik di UKM pada pilihan raya kampus yang lalu. Parti Demokrat, Watan dan Inspirasi bergabung di bawah gabungan yang diberi nama Pro-Mahasiswa menentang parti Pendaulat Mahasiswa. Seterusnya, bagi pernyataan *saya mengetahui bahawa proses pilihan raya kampus akan dimulakan selepas Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM) dibubarkan* memperoleh nilai min sebanyak 4.14 dengan sisihan piawai .803. Nilai peratusan tertinggi bagi kenyataan ini ialah pada skala setuju dan sangat setuju apabila berkongsi nilai peratusan yang sama iaitu sebanyak 38.4%.

Seterusnya, bagi *pernyataan saya mengetahui bahawa tempoh berkempen bagi setiap parti hanyalah seminggu selepas penamaan calon dan saya mengetahui Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (JPMPP) yang menguruskan pilihan raya kampus mencatatkan nilai min sebanyak 4.11 dan 3.77*. Peratusan tertinggi bagi kedua-dua pernyataan ini adalah pada skala sangat setuju dan setuju di mana masing-masing dengan nilai sebanyak 38.7% dan 35.8%. Pihak JPMPP telah membuat hebahan melalui media sosial iaitu hantaran poster di Instagram yang bertajuk ‘Tarikh Penting PRK UKM sesi 2023/2024’ yang menunjukkan tarikh kempen bermula pada 4 sehingga 10 Januari 2024. Pernyataan ini menguji pemahaman mahasiswa tentang peraturan dan tatacara berkempen dalam pilihan raya kampus khususnya tempoh masa yang dibenarkan untuk aktiviti kempen. Selain itu, segelintir mahasiswa yang tidak mengetahui atau keliru kerana mereka mengandaikan yang menguruskan pilihan raya kampus ini adalah pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) UKM. Untuk makluman, pihak universiti memberikan autonomi penuh kepada mahasiswa bagi pemilihan majlis perwakilan pelajar (KMUKM) sejak tahun 2018 yang diuruskan oleh Jawatankuasa Pemilihan MPP UKM (JPMPP) yang terdiri daripada pelajar sepenuhnya (HEP-UKM, 2024).

Di samping itu, min kelapan dan kesembilan tertinggi ialah *saya mengetahui ideologi setiap parti politik yang bertanding dalam pilihan raya kampus dan saya mengetahui proses pengundian yang dilakukan secara atas talian lebih selamat* dengan masing-masing mencatat skor min sebanyak 3.75 dan 3.64 dan peratusan skala tidak pasti adalah 35.2% dan 41.6%. Kebanyakan mahasiswa tidak pasti tentang ideologi yang dibawa oleh parti-parti politik yang ada di UKM. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengetahuan tentang ideologi parti politik mencerminkan pemahaman yang lebih mendalam kepada mahasiswa mengenai landskap politik kampus. Junaidi Awang Besar dan Mohd Fuad Mat Jali (2015) mendapati bahawa, golongan pengundi partisan lebih mudah terpengaruh dengan medium geopolitik popular terhadap partisipasi, persepsi dan sokongan kepada parti politik. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengetahuan tentang ideologi parti politik mencerminkan pemahaman yang lebih mendalam kepada mahasiswa mengenai landskap politik kampus. Bagi isu pengundian secara atas talian pula, mengikut dapatan kajian Fauzi Fadzil (2015), mendapati bahawa sesetengah mahasiswa UPM kurang mempercayai sistem pengundian PRK kerana dilakukan secara atas talian. Majoriti mahasiswa masih merasakan bahawa pengundian yang dilakukan secara atas talian tidak selamat keranaboleh berlaku ketidaktelusan.

Pernyataan seterusnya, iaitu *saya tahu dan kenal calon yang bertanding mewakili parti masing-masing* menunjukkan nilai min yang diperolehi adalah sebanyak 3.52 dengan sisihan piawai .898 dan peratusan skala tidak pasti adalah sebanyak 43.5%. Jumlah peratusan yang dikumpul oleh skala tidak pasti merupakan nilai peratusan tertinggi bagi pernyataan ini. Hal ini menunjukkan bahawa segelintir mahasiswa masih lagi tidak mengenali calon yang bertanding berdasarkan parti masing-masing. Menurut kajian yang dilakukan oleh Roslizawati (2017), isu yang banyak dibangkitkan oleh mahasiswa ialah mereka tidak mengenali calon yang bertanding dengan min sebanyak 3.9667. Mahasiswa kurang mengenali calon yang bertanding menunjukkan bahawa kurangnya penglibatan dan minat dalam proses pilihan raya kampus. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, sewaktu kempen, rapat umum akan diadakan setiap malam di kolej-kolej yang terpilih yang telah disusun oleh jentera-jentera parti. Selain itu, terdapat juga kemungkinan bahawa keberkesanan kempen yang dilakukan oleh calon yang bertanding kurang berkesan yang menyebabkan mahasiswa kurang untuk mengambil tahu tentang latar belakang dan manifesto yang dibawa oleh calon.

Pernyataan seterusnya berkenaan *saya mengetahui bahawa AUKU 1971 telah menghalang pelajar daripada menyertai parti politik peringkat nasional*. Pernyataan ini mempunyai nilai min yang sederhana rendah iaitu sebanyak 3.13 dengan sisihan piawai .778. Nilai peratusan yang diperolehi bagi skala tidak pasti adalah sebanyak 65.2% dan peratusan ini merupakan peratusan tertinggi bagi pernyataan ini. Jika kita lihat, senario ini sangat berbeza dengan amalan universiti di luar negara di mana pelajar digalakkan bergiat di dalam arena politik. Penyelidik menyimpulkan bahawa dapatan kajian ini adalah bertepatan kerana dapatan kajian bagi TP 12 telah menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa tidak tahu dengan jelas mengenai AUKU 1971, sekaligus menyukarkan mereka untuk memahami fungsi sebenar akta berkenaan.

Bagi pernyataan *saya mengetahui kewujudan Kelab Pendidikan Politik dan Demokrasi UKM* mencatatkan nilai min yang sederhana rendah iaitu sebanyak 3.08 dengan sisihan piawai 1.027 dan skala tidak pasti sebanyak 46.5%. Hal ini menunjukkan bahawa responden kurang mengetahui tentang penubuhan Kelab Pendidikan Politik dan Demokrasi UKM. Hal ini kerana, kelab ini baru ditubuhkan pada tahun 2022 dan hanya aktif sepanjang tempoh pilihan raya kampus. Melalui kelab ini, kita dapat mengukur keberkesanan sesebuah kelab berkaitan politik khususnya Kelab Pendidikan Politik dan Demokrasi UKM. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, kita boleh melihat bahawa keberkesanan kelab ini kurang memberangsangkan. Dapatan kajian ini selari lagi dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Mazli Mamat (2015) yang mengatakan bahawa penglibatan mahasiswa Melayu dalam politik dipengaruhi oleh agen sosialisasi media massa berbanding agen sosialisasi yang lain seperti keluarga, rakan sebaya dan institusi pendidikan. Bagi pernyataan *saya tahu setiap manifesto calon yang bertanding* mencatatkan skor min sebanyak 3.07 dengan sisihan piawai .949. Nilai peratusan tertinggi yang dicatatkan adalah sebanyak 51.3% iaitu bagi responden yang memilih skala tidak pasti. Pengetahuan tentang manifesto calon akan menunjukkan tahap penglibatan dan minat mahasiswa dalam proses pilihan raya kampus. Di pihak parti-parti bertanding pula, mereka perlulah melihat perkara ini dengan serius kerana manifesto calon merupakan salah satu elemen utama dalam kempen pilihan raya. Melalui manifesto inilah mahasiswa akan lebih tertarik kerana mungkin manifesto yang ditawarkan itu berkait rapat dengan isu-isu utama yang melanda mahasiswa sepanjang berada di universiti. Kajian yang dilakukan oleh Mahadee Ismail et. al (2023) menunjukkan sebanyak 14.4% responden menyatakan mereka akan mengundi berdasarkan kepada janji yang diketengahkan melalui manifesto pilihan raya bagi setiap gabungan atau kerjasama parti politik.

Bagi pernyataan *AUKU 1971 telah mengehadkan kebebasan pelajar untuk bersuara* pula, min yang diperolehi sebanyak 3.05 dengan sisihan piawai .749. Peratusan tertinggi yang dicatatkan bagi kenyataan ini adalah pada skala tidak pasti dengan nilai peratus yang diperolehi adalah sebanyak 69%. Hal ini menunjukkan bahawa mahasiswa mempunyai tahap pengetahuan yang rendah tentang AUKU 1971. Hasil dapatan kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Norshamliza (2019) yang juga mendapati bahawa mahasiswa kurang bersetuju bahawa AUKU 1971 mengehadkan kebebasan pelajar untuk bersuara dengan jumlah yang diperolehi ialah sebanyak 2.85. Zulkifli Hasan (2022), pindaan AUKU 1975 khususnya Seksyen 15 dan 16 menyaksikan bermulanya gerakan mahasiswa yang kurang agresif dan bergerak dalam ruang lingkup yang terhad akibat daripada sekatan dan kekangan undang-undang termasuk kawalan daripada kerajaan meliputi larangan memberi sokongan kepada pihak luar kampus, larangan membuat kenyataan akhbar dan larangan menganggotai pertubuhan luar kampus dan larangan menguruskan kewangan sendiri. AUKU 1971 dilihat bersifat *double standard* kerana bertentangan dengan perlembagaan Malaysia yang memberikan kebebasan bersuara kepada semua rakyatnya.

Akhir sekali, pernyataan yang memperoleh min terendah ialah *saya tahu dengan jelas tentang AUKU 1971* yang memperoleh nilai min sebanyak 2.76 dengan sisihan piawaian .920. Nilai peratusan tertinggi bagi pernyataan ini ialah 45.8% pada skala tidak pasti. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan mahasiswa tentang AUKU 1971 berada di tahap yang rendah. Dapatan kajian ini bertepatan dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Norshamliza (2019) apabila seramai 62 orang responden daripada jumlah keseluruhan responden iaitu 100 tidak mengetahui tentang kewujudan AUKU1971. AUKU 1971 merupakan perundangan utama yang mengawal selia aktiviti mahasiswa termasuk penganjuran pilihan raya kampus. Oleh itu, jika didapati ramai mahasiswa tidak memahami AUKU dengan jelas, hal ini akan menunjukkan wujud jurang pengetahuan yang ketara dalam kalangan mahasiswa tentang peraturan dan undang-undang.

Berdasarkan hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa mahasiswa mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana tinggi berkenaan pilihan raya kampus di Universiti Kebangsaan Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui min bagi pernyataan di atas iaitu antara 1.53 hingga 5.00 dengan nilai keseluruhan min iaitu 3.74. Hal ini jelas menunjukkan bahawa mahasiswa perlu mengambil tahu tentang proses demokrasi di universiti. Menurut Norshamliza (2019), gelanggang politik kampus menjadi wadah kepada ramai mahasiswa dalam meningkatkan nilai tambah diri mereka. Selain dari meningkatkan kemahiran insaniah, politik kampus dapat membentuk satu semangat kepimpinan dan budaya tanggungjawab dalam kalangan pelajar. Jika kita lihat, proses demokrasi di IPTA ini tidak jauh beza dengan politik di peringkat nasional. Pilihan calon dan parti politik yang sesuai dengan selera pengundi sudah menjadi kebiasaan dalam pola pilihan raya di Malaysia. Kriteria personaliti calon yang mempunyai pengetahuan agama, kelayakan akademik yang baik, sebangsa, calon tempatan, berkeperibadian jujur, amanah dan bersih daripada rasuah (Mahadee Ismail et. al, 2023).

4.2.2 Analisis Data Silang Antara Tahap Pengetahuan Mahasiswa Berkaitan Pilihan Raya Kampus di Universiti Kebangsaan Malaysia dengan Tahun Pengajian

Kepentingan analisis data silang ini adalah untuk membolehkan pengkaji mengenal pasti hubungan dan corak antara dua tau lebih pemboleh ubah yang berbeza. Hal ini dapat memberikan informasi berharga tentang bagaimana pemboleh ubah ini saling mempengaruhi dan berinteraksi. Oleh itu, pengkaji melakukan analisis data silang antara tahap pengetahuan mahasiswa berkaitan pilihan raya kampus di UKM dengan tahun pengajian mahasiswa bagi melihat adakah faktor umur/tahun pengajian mempengaruhi pengetahuan mahasiswa tentang pilihan raya kampus.

4.3.1 Saya Mengetahui Ideologi Setiap Parti Politik yang Bertanding

JADUAL 8: Tabulasi Silang Antara Saya Mengetahui Ideologi Setiap Parti Politik yang Bertanding dan Tahun Pengajian Semasa Mahasiswa

		Tahun Pengajian				Jumlah
		1	2	3	4	
Saya mengetahui ideologi setiap parti politik yang bertanding.	Sangat Tidak Setuju	4 (4.9)	1 (1.4)	1 (0.8)		6 (1.9)
	Tidak Setuju	10 (12.2)	2 (2.7)	7 (5.6)		19 (6.1)
	Tidak Pasti	24 (29.3)	33 (45.2)	50 (39.7)	2 (6.9)	109 (35.2)
	Setuju	25 (30.5)	20 (27.4)	34 (27.0)	9 (31.0)	88 (28.4)
	Sangat Setuju	19 (23.2)	17 (23.3)	34 (27.0)	18 (62.1)	88 (28.4)
Jumlah		82	73	126	29	310

Sumber : Dapatan kajian 2024

Berdasarkan Jadual 8 menunjukkan analisis taburan silang antara saya mengetahui ideologi setiap parti politik yang bertanding dengan tahun pengajian semasa mahasiswa. Dapatan analisis menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa tahun 3 tidak pasti dengan kenyataan ini iaitu seramai 50 orang responden (39.7%) diikuti tahun 2 iaitu seramai 33 orang (45.2%). Bagi pelajar tahun 1 pula seramai 24 responden (29.3%) dan 2 orang responden bagi pelajar tahun 4 (6.9%). Hal ini menunjukkan bahawa, jumlah yang agak tinggi direkodkan walaupun mahasiswa seperti tahun 2 dan 3 yang telah lama menetap di UKM masih kurang mengetahui tentang ideologi politik yang dibawa oleh setiap parti politik yang bertanding di UKM. Dapatan ini selari dengan kajian Ummi Munirah et al. (2019), yang mengatakan bahawa umur pelajar mempengaruhi persepsi terhadap tanggungjawab politik. Pelajar yang lebih muda atau baru memasuki dalam persekitaran sesuatu kawasan semestinya mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang terbatas terutamanya dalam konteks politik. Sebaliknya, mereka yang lebih tua atau yang sudah tinggal lebih lama di sesuatu kawasan semestinya memiliki gambaran dan pengetahuan yang lebih banyak sekaligus dapat membentuk persepsi yang lebih matang. Ini menunjukkan bahawa semakin bertambah umur, semakin tinggi literasi politik yang diterangkan oleh kefahaman politik, seterusnya meningkatkan tahap tanggung jawab politik dalam kalangan pelajar.

4.3.2 Jumlah Parti Politik Di Universiti Kebangsaan Malaysia

JADUAL 9: Tabulasi Silang Antara Saya Tahu Bahawa Terdapat Empat Parti Politik Di UKM dan Tahun Pengajian Mahasiswa

		Tahun Pengajian				
		1	2	3	4	Jumlah
Saya tahu bahawa terdapat empat parti politik di Universiti Kebangsaan Malaysia.	Sangat Tidak Setuju	1 (1.2)		2 (1.6)		3 (1.0)
	Tidak Setuju	4 (4.9)		2 (1.6)		6 (1.9)
	Tidak Pasti	11 (13.4)	8 (11.0)	16 (12.7)	2 (6.9)	37 (11.9)
	Setuju	17 (20.7)	25 (34.2)	45 (35.7)	7 (24.1)	94 (30.3)
	Sangat Setuju	49 (59.8)	40 (54.8)	61 (48.4)	20 (69.0)	170 (54.8)
Jumlah		82	73	126	29	310

Sumber : Dapatan kajian 2024

Berdasarkan Jadual 9 menunjukkan analisis taburan silang antara jumlah parti politik di UKM dengan tahun pengajian semasa mahasiswa. Dapatan analisis menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa sangat setuju dengan pernyataan ini. Mahasiswa tahun 3 iaitu seramai 61 orang (48.4%) diikuti tahun 1 iaitu seramai 49 orang (59.8%). Selebihnya mahasiswa tahun 3 dengan 40 orang responden (54.8%) dan tahun 4 dengan 20 orang (69.0%). Hal ini menunjukkan bahawa mahasiswa mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang jumlah parti politik di UKM walaupun terjadinya gabungan diantara parti-parti yang bertanding. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar senior mengetahui tentang kewujudan parti politik di UKM walaupun terjadinya gabungan antara beberapa parti politik di UKM yang boleh mengelirukan beberapa orang.

5. Rumusan Dan Cadangan

Kesimpulannya, hasil kajian ini dapat memberikan pendedahan tentang tahap pengetahuan mahasiswa tentang pilihan raya kampus. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, tingkat pengetahuan mahasiswa tentang pilihan raya kampus di UKM berada di tahap yang memuaskan. Namun begitu, terdapat sebahagian mahasiswa yang kurang memahami tujuan, mekanisme dan kepentingan pilihan raya kampus dalam mewakili suara mahasiswa di peringkat atasan pentadbiran. Pengkaji mengharapkan bahawa kajian ini akan memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya kuasa undi bagi memilih pemimpin yang adil dan saksama. Sudah semestinya masalah ini akan melibatkan aspek sosial masyarakat terutamanya apabila berdepan dengan Pilihan Raya Umum mahupun Pilihan Raya Kecil di mana akan ada sesetengah golongan belia yang akan memandang enteng tentang pemimpin

yang akan menerajui negara di mana pada akhirnya ia akan memberi kesan kepada aspek ekonomi dan sosial masyarakat.

Kerjasama daripada pelbagai aspek dan pihak terutamanya pihak universiti sangat memainkan peranan penting dalam menggalakkan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti politik. Antaranya ialah melalui pembinaan satu kursus citra baharu yang berkaitan dengan politik. Kursus citra di UKM merupakan satu kursus elektif yang boleh dipilih oleh pelajar dan masalah yang dihadapi oleh pelajar ialah ada mereka yang tidak dapat graduasi disebabkan kuota citra tidak cukup. Oleh itu melalui penambahan kursus citra berkaitan politik, ia sedikit sebanyak dapat membantu masalah pelajar yang gagal mendaftar kursus citra kerana penuh sekaligus dapat menambahkan ilmu pengetahuan berkenaan politik. Seterusnya, persatuan mahasiswa yang wujud di UKM boleh memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat dan menggalakkan penyertaan dalam pilihan raya kampus melalui program-program yang dianjurkan. Selain itu, agen-agen sosialisasi yang lain seperti media massa, kelab-kelab dan lain-lain perlulah mengambil sikap yang terbuka bagi menyebarkan informasi berkaitan pilihan raya kampus ini.

Rujukan

- Andrew. H. (1992). Political Ideologies: An Introduction. Macmillan.
- Bernama. (2022). Masih Relevankah AUKU Terhadap Mahasiswa?: Dr Zulkifli Hassan. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2062860> [20 November 2023]
- Bernama. (2022). Pengundi muda, baharu masih ‘atas pagar’. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1011225/pengundi-muda-baharu-masih-atas-pagar-berpotensi-jadi-penentu> [24 Januari 2024]
- Bernama. (2023). Kuota pendidikan Melayu, bumiputra diperuntuk dalam perlembagaan: Teo Kok Seong. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/267306/berita/nasional/kuota-pendidikan-melayu-bumiputra-diperuntuk-dalam-perlembagaan> [24 Januari 2024]
- Char, J. R., Dzulkarnain, M., & Nadzri. C. K., (2017). Students' awareness towards the student representative council: A survey conducted at Northern region polytechnics of Malaysia. *Advanced Journal of Technical and Vocational Education*, Vol. 1 (2), 14-22. <https://doi.org/10.26666/rmp.ajtve.2017.2.3>
- Hamidah, AB. R., Nik. H., Rozeyta, O., Salwa A. P., Rozliana, S., & Lily, S. Kajian kesedaran mahasiswa terhadap peranan dan tanggungjawab Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebagai wakil pelajar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. <https://core.ac.uk/download/11780062.pdf>
- Junaidi, A. B., Mohd, F. (2015). Pengaruh media terhadap pilihan parti politik dalam kalangan mahasiswa universiti awam di Lembah Klang. *Jurnal Personalia Pelajar* Vol. 18 (1), 11-22. <https://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2016/04/Junaidi-Awang.pdf>
- Max, W. (1965). Politics as a Vocation. Ed. Ke-3. Fortress Press. Malaysia.
- Mazli, M. (2015). Pengaruh Sosialisasi Terhadap Pengetahuan dan Penglibatan Mahasiswa Melayu dalam Politik Malaysia. Tesis Master Sains, Universiti Putra Malaysia. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/58235/1/FEM%202015%202023IR.pdf>

- Mohd, F. F. (2015). Kesedaran politik mahasiswa: Dalam pilihan raya kampus di Universiti Putra Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, Vol. 12. <https://iyres.gov.my/en/malaysian-journal-of-youth-studies-2019/2015/199-vol-12-jun/1642-kesedaran-politik-mahasiswa-dalam-pilihan-raja-kampus-di-universiti-putra-malaysia>
- Mohd, M. I., Zatul, H. A., & Mohd, S. I. (2023). Kecenderungan pengundi baharu dalam Pilihan Raya Umum Ke-15. *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* Vol. 50 (2), 224-240. <https://doi.org/10.175776/jebat.2023.5002.08>
- Mohd, Z. M .Z . (2022). Sifat dan tingkah laku politik pengundi undi-18 di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTA) di Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanitie*, Vol.7 (11). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1941>
- Muhammad, F. O. (2014). Influencing Students Voting Behaviour: Pre and Post IIUM Student Representatives Council's Election 2014. *International Journal of Science Commerce and Humanities* Vol. 3 (1). http://irep.iium.edu.my/41212/1/www.ijsch.com_journaluk_images_frontImages_Factors_Influencing_Students_Voting_Behaviour.pdf
- Muhammad, H. S. (2023). Politik kampus pemangkin kesedaran dan literasi politik. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2023/05/20/politik-kampus-pemangkin-kesedaran-dan-literasi-politik/> [20 November 2023]
- Neuman. (2011). *Social research method: Qualitative and quantitative approaches* W. Lawrence Neuman seventh edition. United States of America.
- Nor, R. S., Sity, D. & Mohd, S.. (2017). Faktor kepimpinan gender dalam penglibatan politik wanita di Malaysia (1980-2013). *Akademika* Vol. 87 (3), 63-75. <https://jurnalarticle.ukm.my/11266/1/14809-61642-1-PB.pdf>
- Norshamliza, C., Tuan, M. S., Akmal, F., & Farah, S. (2019). Tahap pengetahuan dan impak kegiatan politik kampus kepada kehidupan mahasiswa era Malaysia baharu. *Jurnal Personaliti Pelajar*, Vol. 22 (2), 129-136. *I*(2). <https://jurnalarticle.ukm.my/11266/>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Bayan Linnas Siri ke-209: Politik dalam Islam. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3630-bayan-linnas-siri-ke-209-politik-dalam-islam> [26 November 2023]
- Roslizawati, T., Mohd, R. Y. (2017). Pendemokrasian mahasiswa di institusi pengajian tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 13(4), 93–105. <https://jurnalarticle.ukm.my/12576/1/22251-63947-1-PB.pdf>
- Saharuddin, T., Aishah, S., & Ibrahim, B. (2021). Kesedaran politik pelajar dalam pilihanraya kampus (PRK) di Politeknik Banting Selangor. *Journal of Engineering and Social Sciences*, Vol.1(1), 135-140. https://pbs.mypolycc.edu.my/v1/images/UPIK/Penerbitan/2021/KPI21_6_EN.SAHARU_DIN.pdf
- Siti, N. B. (2017). Students and campus: Case study at Sultan Idris Education University, Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Sciences* Vol.9 (6), 32-45. <https://ijhss.net/index.php/ijhss/article/view/320/121>
- Siti, S. J. (2021). Pengaruh kecerdasan emosi ke atas tingkah laku politik mahasiswa belia melalui modul pengajaran dan pembelajaran. *Research and Innovation in Technical and Vocational Education Training* Vol.2 (1), 059-066. <https://doi.org/10.30880/ritvet.2022.02.01.008>
- Ummi, M., Panji, H., & Mansor M, M,. (2019). Aplikasi pemodelan persamaan struktur dalam mengkaji tanggungjawab politik ipta. *International Journal of Politics, Public Policy and Social Work* (Vol. 1, Issue 2, pp. 01–11). 10.35631/ijpps

- Zatul, H. A. (2023). Kaji implikasi cawangan politik di kampus pada pembelajaran siswa.
<https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/03/1076206/kaji-implikasi-cawangan-parti-politik-di-kampus-pada-pembelajaran> [20 Novermber 2023].